



KUPASAN MUTU JAWAPAN

**PENDIDIKAN ISLAM 1
1223/1**

**SPM
2014**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod mata pelajaran : 1223/1
Markah Penuh : 100
Masa : 2 jam

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 1 Pendidikan Islam mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A mengandungi 20 soalan objektif aneka pilihan dan 20 soalan isi tempat kosong. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Jumlah markah yang diperuntukkan ialah 40 markah. Soalan mencakupi konteks Akidah, Ibadat, Adab/Akhlak Islamiah, Tamadun Islam dan Tokoh Islam. Konstruk yang dinilai ialah Pengetahuan 30%, Pemahaman 30% dan Kemahiran 40%.

Bahagian B mengandungi 4 soalan subjektif. Calon dikehendaki menjawab tiga soalan. Soalan 1 dan 2 wajib dijawab dan calon dikehendaki memilih satu soalan daripada soalan 3 dan soalan 4. Jumlah markah yang diperuntukkan ialah 60 markah. Soalan mencakupi konteks Akidah, Ibadat, Adab/Akhlak Islamiah, Tamadun Islam dan Tokoh Islam. Konstruk yang dinilai ialah Pengetahuan 30%, Pemahaman 30% dan Kemahiran 40%.

PRESTASI KESELURUHAN

Calon mempamerkan prestasi yang cemerlang. Kematangan calon dalam menyampaikan idea semakin terserlah. Mereka dapat menunjukkan kemampuan menguasai fakta, hukum dan alasan. Namun begitu masih terdapat calon yang gagal menunjukkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif pada soalan yang aras tinggi. Calon sukar mengingat fakta dalam Tamadun Islam dan tokoh.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Tinggi

Calon mengemukakan isi yang bernas dan mencukupi. Setiap isi diikuti dengan huraian yang mantap beserta contoh yang sesuai. Majoriti calon dapat menyampaikan idea yang sesuai dan menarik serta menguasai isi dan fakta. Mereka juga dapat menulis dengan bentuk tulisan yang menarik, cantik dan mudah dibaca.

Kumpulan Sederhana

Isi jawapan agak terhad. Huraian yang dikemukakan tidak mantap dan jarang disertai dengan contoh yang sesuai. Bentuk tulisan kurang menarik dan sukar dibaca. Hal ini menunjukkan calon kurang menguasai isi dan fakta serta kemahiran berfikir.

Kumpulan Rendah

Mutu jawapan calon amat rendah, tidak kemas dan kerap tersasar daripada kehendak soalan. Mereka kurang mengemukakan huraian yang lengkap bagi menyokong hujah. Penggunaan isi jawapan yang sukar difahami, berbelit-belit dan kabur amat ketara.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A (ITK 21-40)

21	.. kufur	31	.. memihak
22	.. bertaubat	32	.. wa'imatulurus
23	.. sedekah	33	.. suami tidak adil
24	.. nikmat	34	.. poligami
25	.. Haji Ifrad	35	.. Dewan al-kharaj
26	.. Haji Qiran	36	.. al-quran dan al-sunnah
27	.. Haji Tamattuk	37	.. haram
28	.. syarat sah	38	.. mafruh
29	.. sunat muakkad	39	.. harus
30	.. 5 tahun atau lebih	40	.. wajib

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon dapat menulis jawapan yang tepat dan mantap.

21	kufor	31	menung
22	bertaubat	32	wallmatuluns.
23	Sedekah	33	Evani murfad
24	hakikat	34	Poligami
25	Haji Qiran	35	Diwan al- Kharaj
26	Haji tamattuk	36	Persetujuan orang berilmu
27	Haji Ifrad.	37	Haram
28	Syarat	38	makruh
29	Sunnat muatad	39	Haris
30	5 tahun	40	wajib

Isi yang dikemukakan masih berkaitan dengan tugas tetapi ada jawapan yang kurang tepat.

21	Syirik	31	memiring
22	bertaubat	32	bersanding
23	amanah	33	Suami suwang
24	nikmat	34	nikah
25	Haji Tamattuk	35	Dewa Jadin Jabatan pambharna
26	Haji Ifrad	36	berafelran pashaf
27	Haji Qiran	37	makruh
28	Hukum	38	makruh
29	wajib	39	Sunnat
30	5 tahun atau lebih	40	wajib

Jawapan di atas mempamerkan jawapan yang lemah kerana jawapan yang diberikan tidak tepat walaupun ia adalah soalan berpandu. Jawapan yang diberi adalah tekaan sahaja.

Bahagian B

Soalan 1 (a) (i)

Nyatakan maksud membunuh diri.

Soalan ini berkehendakkan calon menyatakan maksud membunuh diri.

1. a) i. membunuh diri bermaksud perbuatan memisahkan roh dan jasad.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan yang cemerlang kerana calon mampu mengemukakan definisi membunuh diri dengan lengkap dan tepat.

i) Nyatakan maksud membunuh diri.

~~Membunuh diri bermaksud ^{mengambil nyawa mengikut kehendak sendiri} ~~mengakui diri sendiri atau menyalahkannya diri sendiri~~. Hukum membunuh diri adalah haram.~~

Calon berjaya mengemukakan sebahagian definisi dengan baik namun bercampur dengan definisi yang tidak tepat.

1-a,
~ membunuh diri adalah dosa yang paling besar dan salah di sisi agama islam.

Calon tidak dapat memberikan maksud membunuh diri sebaliknya menerangkan tentang kesan membunuh diri.

Soalan 1 (a) (ii)

Jelaskan dua sebab berlakunya perbuatan membunuh diri.

Untuk menjawab soalan ini calon perlu mengemukakan dua sebab membunuh diri.

ii) Dua sebab berlakunya perbuatan membunuh diri :-
a) Tidak sanggup melalui ujian dan cabaran hidup daripada Allah Allah s.w.t kerana tidak bertanggung semua masalah tiada jalan penyelesaian .
b) Pegangan Iman yang tidak kuat kerana tiada ilmu agama yang berlandaskan syariat Islam serta tidak percaya dengan tet qadar dan qadar .
c) Terpengaruh dengan orang-orang yang membunuh diri dengan harapan segala masalah akan tamat sekaligus tidak mendapat sokongan moral daripada keluarga .

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon dapat memberikan jawapan dengan jelas dan tepat. Calon juga mampu memberikan jawapan lebih daripada yang dikehendaki.

ii) i) Minda tertutup berpengaruh syaitan
ii) iman tak kuat untuk melawan say hasutan syaitan .

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon sederhana. Calon dapat mengemukakan sebahagian isi jawapan dengan baik namun jawapan berikutnya berulang.

ii-

- terlalu banyak & masalah yang dialaminya.
- berlakunya sebak cinta menyat yang ~~peret~~ lelaki menjadi mangsa dan ada rasa ingin membunuh diri.
- fikiran terlalu berceburu dan yang ada masalah keluarga.

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon lemah. Calon mengemukakan isi jawapan yang tidak jelas, tidak tepat dan berulang.

Soalan 1 (a) (iii)

Jelaskan dua sebab Allah SWT mengharamkan perbuatan membunuh diri.

Soalan ini mengkehendaki calon menjelaskan sebab pengharaman membunuh diri.

- iii) Dua sebab pengharaman pemb perbuatan membunuh diri :-
- a) Mendapat dosa besar dan azab akhirat yang pedih
Taitu ditempatkan di neraka selama-lamanya.
 - b) Supaya manusia lebih yakin akan qadaf dan qadar yang ditentukan oleh Allah sekang agar iman dan ketakwaan mereka akan bertambah.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon dapat memberikan jawapan dengan jelas dan tepat. Calon juga mampu memberikan jawapan lebih daripada yang dikehendaki.

- a) III dua sebab Allah mengharamkan perbuatan membunuh diri.
di masukkan ke dalam neraka.
di murkai oleh Allah.

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon sederhana. Calon memberikan jawapan yang ringkas dan tidak jelas serta isi yang berulang.

ii) perbuatan yang Allah tidak suka
 iii) perbuatan yang berfikir tidak
 man boleh menyelesaikan masalah

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon lemah. Calon memberikan jawapan yang tidak tepat dan menjurus kepada pengulangan soalan.

Soalan 1 (b) (i)

Apakah pengertian taubat ?

Soalan ini berkehendakkan calon menyatakan erti taubat.

1	b) i)	Taubat bermaksud kembali semula taat kepada Allah s.w.t dan menyesal akan kerana melanggar perintah dan larangan-Nya.
---	-------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang diberikan oleh calon di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang iaitu dapat memberikan jawapan dengan jelas, lengkap dan tepat.

b) ii)	taubat ialah kembali semula ke jalan Allah selepas ^{keralahan} meninsafi perbuatan yang dilakukan.
-------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jawapan yang diberikan adalah tidak tepat pada sebahagiannya kerana bercampur dengan syarat taubat.

b) i)	pengertian taubat berubah melakukan perkara yang Allah tidak suka
-------	----------------------------------------------------------------------

Calon memberikan jawapan yang tiada kaitan dengan definisi iaitu berubah melakukan perkara yang Allah SWT tidak suka.

Soalan 1 (b) (ii)

Jelaskan dua syarat agar taubat diterima oleh Allah SWT.

Untuk menjawab soalan ini calon mesti mengemukakan syarat taubat.

- ii) Dua syarat agar taubat diterima oleh Allah S.W.T :-
- a) Memohon maaf kepada ~~orang~~ dan mengakui kesalahan diri kepada orang lain jika melibatkan hak seseorang seperti mencuri barang orang lain tanpa ketiadaan.
 - b) Beresam ~~dengan~~ untuk tidak mengulangi semula maksiat yang pernah dilakukan sebelum ini seperti berjanji dengan diri sendiri untuk ^{berhenti dan} menaiki ~~amalan~~ ~~minimum~~ arak.
 - c) Dua Menyesal dengan ~~sp~~ sepuh hati kerana melakukan maksiat & seperti sentiasa memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

Calon dapat memberikan jawapan dengan jelas dan huraian yang lengkap. Calon juga mengemukakan jawapan yang lebih daripada yang dikehendaki.

- b II Dua syarat taubat diterima Allah.
berjanji tidak mengulangnya lagi.
menunaikan solat.

Calon ini mengemukakan jawapan yang tepat pada sebahagiannya manakala sebahagian lagi tidak tepat kerana mengemukakan kaifiyat/cara bertaubat.

11-

- Kita perlu meminta keampunan daripada Allah SWT.

- Kita juga perlu menyempurnakan solat lima waktu dan membaca Al-Quran agar ^{Allah SWT} tidak menentijima kita balik

- ~~dan~~ ^{mandi} sunat Taubat dan solat sunat taubat

Semua jawapan calon di atas adalah tidak tepat kerana menjawab kaifiyat taubat.

Soalan 1 (b) (iii)

Jelaskan dua perbezaan antara orang yang bertaubat dengan orang yang tidak bertaubat.

Soalan ini mengkehendaki calon membezakan di antara orang yang bertaubat dengan tidak bertaubat.

iii) Dua perbezaan orang yang bertaubat dengan orang yang tidak bertaubat :-

Orang yang bertaubat	Orang yang tidak bertaubat.
i) Berhenti melakukan maksiat.	i) berterusan melakukan maksiat.
ii) Sentiasa memohon ^{keampunan} kepada kepada Allah S.W.T	ii) Leta dan mengabaikan tentang memohon keampunan Allah S.W.T
iii) Bijak mengseimbangkan antara to duniawi dan bekalah hari akhirat.	iii) Leta dengan kepentingan duniawi.
iv) Akhlak menjadi baik	iv) Akhlak semakin rosak.

Calon dapat memberikan jawapan melebihi dari kehendak soalan dan jawapan yang dikemukakan jelas serta menunjukkan perbezaan yang selari antara satu sama lain.

iii) Antara dua perbezaan antara orang yang bertaubat dengan orang tidak bertaubat ialah orang yang telah bertaubat Allah akan memaafkan ^{dosa-dosa} segala dosa-dosa mereka dan mereka yang tidak bertaubat sebaliknya. Perbezaan kedua ialah orang yang telah bertaubat tidak akan melakukan kesilapan ^{lampau} manakala orang yang tidak bertaubat akan terus mengulangi kesilapan mereka.

Calon dapat mengemukakan jawapan perbezaan dengan baik tetapi persembahkan jawapan yang kurang menarik kerana menjawab dalam bentuk perenggan. Calon dikehendaki mengelakkan penggunaan perkataan " sebaliknya " kerana tidak menggambarkan perbezaan.

iii-

- Seorang manusia yang menuju keahliannya ^{ke} and Syurga dan orang yang tidak bertaubat akan diselubungi pelbagai masalah dan ~~rintang~~ ^{belangan}
- Seorang yang bertaubat ini akan ke masjid ^{dan} disuruh dan akan ~~dan~~ membentangkan sejadahnya
- Seorang yang tidak bertaubat pula akan ^{setiap} malam ~~set~~ pergi ke kelab malam dan berfoya-foya merompak dan mencuri terlalu banyak lagi perbezaannya.

Calon tidak mengemukakan perbezaan dan hanya menyenaraikan isi yang tidak menampakkan perbezaan antara orang bertaubat dan orang yang tidak bertaubat.

Soalan 2 (a) (i)

Nyatakan dua syarat pemberi sewa.

Soalan ini memerlukan calon menyenaraikan dua syarat pemberi sewa.

2	(a)
	1- 2 syarat pemberi sewa:-
	- baligh - merdeka.
	- berakal - bukan paksan
	- kemahuan sendiri.

Calon mempersembahkan jawapan yang jelas dan tepat dengan menyenaraikan semua syarat pemberi sewa dengan tepat walaupun hanya dua jawapan yang dikehendaki.

i) Syarat pemberi sewa:
- berakal - kehendak sendiri
- baligh
- Islam

Jawapan yang dikemukakan adalah tepat walaupun terdapat satu jawapan yang tidak bertepatan dengan syarat pemberi sewa iaitu Islam.

2.	(a) (i) Dua syarat pemberi sewa adalah :-
	1) Berkemampuan
	2) Jenis barangan.

Jawapan yang diberikan tersasar dan tiada kaitan dengan soalan.

Soalan 2 (a) (ii)

Nyatakan dua syarat manfaat.

Soalan ini meminta calon menyenaraikan dua syarat bagi manfaat sewa.

ii - 2 syarat manfaat :-	
- Mempunyai kebaikan yang boleh digunakan oleh penyewa.	
- Bernilai	- Menepati syarat perjanjian.
- Milik tetap pemberi sewa.	- mempunyai manfaat

Jawapan yang diberi adalah pelbagai walaupun mempunyai dua jawapan yang sama maksud dengan bernilai iaitu mempunyai manfaat dan mempunyai kebaikan.

ii) Syarat manfaat:
- bernilai
- hak milik pemberi sewa

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon sederhana. Calon mengemukakan dua jawapan tetapi hanya satu sahaja yang betul iaitu bernilai.

ii)	Dua syarat manfaat ialah;
-	tidak berunsurkan riba.
-	mendapat persetujuan dua buah pihak.

Jawapan di atas mempamerkan jawapan yang lemah kerana calon memberikan jawapan yang salah iaitu menjurus kepada jual beli.

Soalan 2 (a) (iii)

Terangkan dua hikmah diharuskan sewa.

Untuk menjawab soalan ini, calon mesti memberi isi dan huraian berkaitan hikmah sewa.

iii)	hikmah diharuskan sewa ialah =
-	memberi peluang kepada penyewa untuk memiliki faedah/
	manfaat daripada barang orang lain.
-	memberi peluang kepada orang lain utk berkongsi
	nikmat dan rezeki yang diperoleh
-	supaya dapat merapatkan hubungan silaturrahim.
	antara penyewa dan pemberi sewa.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang kerana bertepatan dengan kehendak soalan iaitu memberikan hikmah sewa dengan penerangan yang lengkap.

(iii) Dua hikmah diharuskan sewa
1) Untuk meringankan beban kepada si penyewa
2) Untuk membantu seseorang untuk memiliki
sesuatu barangan tetapi membayar secara ansuran.

Jawapan yang diberi tidak diolah dengan jelas mengikut kehendak tugas dan tiada penerangan yang lengkap.

(ii) - i) mendatangkan kebaikan
ii) mendatangkan kemudahan.

Jawapan calon terlalu ringkas sehingga tidak menepati hikmah diharuskan sewa.

Soalan 2 (b) (i)

Nyatakan dua jenis talak dari aspek hukum.

Calon dikehendaki memberikan jenis talak dari aspek hukum sahaja.

i) Talak dari aspek hukum =
- Talak Sunni
- Talak Bid'ie

Calon mengemukakan jawapan yang tepat iaitu talak dari aspek hukum.

(b) (i) - i) Talak Bid'ie
ii) Talak Rajie

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon sederhana. Jawapan yang diberikan bercampur di antara talak dari aspek hukum (talak bid'ie) dan dari aspek kesan (rajie).

a) i) Talak Raji
b) Talak Batqah

Jawapan yang dikemukakan adalah menyimpang dan tidak menepati kehendak soalan.

Soalan 2 (b) (ii)

Jelaskan dua hikmah talak kepada pasangan suami isteri.

Soalan ini mengkehendaki calon menjelaskan hikmah talak khusus kepada suami isteri.

ii - Hikmah talak :-
- Memberi peluang kepada suami isteri untuk menenangkan fikiran dan menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- Memberi peluang kepada suami isteri untuk menenaskan kehidupan yg baru dengan aman.
- Memberi pengajaran kepada suami isteri supaya lebih berhati-hati dalam masalah rumah tangga.

Jawapan yang diberi adalah tepat dan mempunyai banyak pilihan. Calon berupaya menghuraikan dengan terperinci mengikut kehendak soalan iaitu kepada suami dan isteri.

(ii)	Dua hikmah talak kepada suami isteri ialah:
-	memberi peluang untuk kepada suami isteri untuk berkahwin lain dgn org yang sesuai dengannya.
-	memberi peluang utk suami itu menceraikan isteri yang tidak melakukan kewajipan
-	memberi pengedaran bahawa perkahwinan bukan ^{mainan} bukan

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon sederhana. Jawapan diberikan adalah umum dan melibatkan sebelah pihak sahaja sedang jawapan memerlukan hikmah terhadap suami dan isteri.

ii) a)	Dapat melepaskan diri daripada diraja suami.
b)	membahagikan suami isteri menurut budi dalam tempoh dan syarat yang ditetapkan.

Calon mengemukakan jawapan untuk sebelah pihak sahaja iaitu isteri dan mengemukakan fakta yang tidak berkaitan iaitu rujuk.

Soalan 2 (b) (iii)

Seorang suami mentalakkan isterinya yang solehah tanpa sebab sedang isterinya dalam keadaan mengandung. Dia ingin kembali semula kepada isterinya setelah isterinya melahirkan anak.

Selesaikan permasalahan berkaitan situasi di atas berdasarkan hukum syarak.

Soalan ini berkehendakkan calon memberikan hukum bercerai ketika mengandung dan cara untuk berkahwin semula setelah melahirkan anak.

-iii) Seorang suami yang mentalakkan isterinya yang solehah tanpa sebab hukumnya makruh. ^{tetapi talak itu sah.} Isteri yang solehah dapat membimbing suaminya ke syurga kerana isteri itu taat kepada suami dan tidak nusyuz. Faktor berlakunya talak ini disebabkan oleh pengaruh rakan negatif yang ingin melihat kejatuhan rumah tangganya. Kesannya, suami boleh menjujuk isteri kembali dalam tempoh iddah 3 kali suci sekiranya isteri tidak mengandung. Apabila dikatakan suami itu mentalakkan isterinya yang solehah ketika isteri hamil, perbuatan suami itu haram. Namun, talak itu sah. Iddah isteri itu sehingga melahirkan anak.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang kerana menyelesaikan masalah berdasarkan dua situasi dengan betul dan tepat.

iii) Seorang suami yang menalak isteri yang sedang hamil adalah haram tetapi sah. ~~Si isteri~~ lalu talak Bid'ie. ~~Talak Bid'ie~~ jika suami ingin ~~menikah~~ merujuk semula isteri, si isteri hendaklah berkahwin dengan lelaki lain dan ~~setelah~~ ~~diizinkan~~ melakukan persetubuhan selepas tempoh. Tidak jika talak 3. Manakala jika talak 1/2 hendaklah memberi mahar dan akad yg baru.

Calon hanya menjawab satu situasi sahaja iaitu talak tetapi tidak memberi penyelesaian masalah dengan tepat untuk kembali semula kepada isterinya.

(iii) Seorang suami memalak isterinya yang sedang tanpa sebab sedang isterinya dalam keadaan mengandung dan ingin kembali semula selepas isterinya melahirkan adalah haram. Disebabkan, anak dalam kandungan itu adalah anugerah dan tanggungjawabnya untuk membesarkan. Seterusnya, haram untuk talaknya kembali jika menalak tinggalkan isterinya.

Calon gagal mengemukakan hukum dan tidak dapat menyelesaikan masalah tentang hukum talak dan cara untuk kembali sebagai suami isteri selepas isterinya melahirkan anak.

Soalan 3 (a) (i)

Nyatakan dua orang khalifah yang juga ulama dalam bidang al-Quran, tafsir, hadis dan nahu.

Soalan ini mengkehendaki calon menyenaraikan dua nama khalifah yang juga ulama dalam bidang tertentu.

a) i) Khalifah yang juga merupakan ulama dalam bidang Al-Quran, tafsir, hadis dan nahu.
 - Khalifah Umar bin Abdul Aziz
 - Khalifah Malik bin Marwan.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan yang cemerlang. Calon dapat memberikan jawapan yang tepat.

3(a)(i) - Dua orang khalifah yang juga ulama dalam bidang al-Quran, tafsir, hadis dan nahwu.

(1) - Khalifah Harun Ar-Rasyid

(2) - Khalifah Ar-Rasyidin

(3) - Khalifah Umar Azizi

Jawapan di atas mempamerkan jawapan sederhana. Calon hanya memberikan satu jawapan yang betul iaitu Khalifah Umar Abd Aziz.

3(a)	
	i) a) Harun ar-rasyid.
	b) Muawwiyah bin Abu sultan.

Jawapan di atas mempamerkan jawapan lemah kerana calon gagal memberikan jawapan seperti kehendak soalan.

Soalan 3 (a) (ii)

Nyatakan dua institusi pendidikan yang wujud ketika itu pada zaman bani Umayyah.

Calon dikehendaki menyenaraikan dua nama institusi pendidikan pada zaman bani Umayyah.

ii. Dua institusi pendidikan

- masjid

- pusat pengajaran ilmu

- istana

- perpustakaan

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang kerana calon dapat mengemukakan semua jawapan dengan baik dan cemerlang.

2 (a) (ii) - Dua institusi pendidikan yang wujud

(1) - Madrasah

(2) - Surau

(3) - Pondok

(4) - Masjid

(5) - Rumah

Mutu jawapan yang dipamerkan adalah sederhana. Calon mengemukakan jawapan yang sama maksud antaranya surau dan masjid.

ii) - Baitul Hikmah

- Majlis Syura

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon lemah. Calon memberikan jawapan secara meneka sahaja.

Soalan 3 (a) (iii)

Jelaskan dua kesan positif perkembangan pendidikan zaman Umayyah kepada bangsa Eropah.

Calon dikehendaki menjelaskan kesan perkembangan pendidikan khusus kepada bangsa Eropah.

iii. Dua kesan positif perkembangan pendidikan zaman bani Umayyah
kepada bangsa Eropah.

→ kemunculan zaman Renaissance di Eropah.

→ perbagai karya-karya diterjemah ke dalam bahasa Eropah seperti
Latin, Parsi dan Hebrew.

→ meningkatkan kesedaran bangsa Eropah terhadap kepentingan pendidikan.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon dapat menghuraikan kesan perkembangan pendidikan dengan jelas dan tepat.

a	iii	- Kesan positif perkembangan pendidikan zaman bani umayyah kepada bangsa Eropah ialah bangsa Eropah maju dalam bidang pendidikan
		- Kesan positif perkembangan pendidikan zaman bani umayyah kepada bangsa Eropah ialah bangsa Eropah menjadi bangsa yang bertamadun dan berfikiran luas.

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon sederhana kerana calon berjaya mengemukakan isi tetapi tidak diolah dengan tepat.

3	(ii)	(iii)	Kesan positif perkembangan pendidikan kepada bangsa Eropah adalah
			- Islam dapat dikembangkan dengan pesat
			- tatacara orang Islam dijadikan contoh.

Calon gagal mengemukakan fakta dan tidak menepati kehendak tugasan.

Soalan 3 (b) (i)

Jelaskan dua kehebatan Imam Ahmad bin Hanbal dalam ilmu hadith dan fikah.

Calon dikehendaki memberikan bukti kehebatan Imama Ahmad khusus dalam bidang hadith dan fikah.

b	1)	Dua kehebatan Imam Ahmad bin Hanbal
		→ digelar Al-Hakam kerana menghafaz 700 ribu hadis
		→ digelar sebagai imam mujtahid kerana kebolehannya mengeluarkan fatwa.
		→ menulis kitab Al-Musnad yang mengandungi 40 ribu hadis.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang kerana berjaya mengemukakan isi yang bernas dan mencukupi.

(b) (i) Kehebatan Imam Ahmad bin Hanbal dalam ilmu hadis dan fikah
i. Hanya menerima hadis sahih sebagai rujukan.
ii. Menebitkan karya al-Muwad yang berkait dengan ilmu fiqh

Jawapan sederhana kerana isi jawapan yang terhad dan huraian yang tidak mantap.

3(b)
i) a) Mengetahui dan menghafal kebanyakan hadis.
b) Mahir tentang hukum-hukum dalam agama Islam.

Jawapan lemah kerana tidak menulis bilangan hadith yang dihafal.

Soalan 3 (b) (ii)

Namakan dua hasil karya Imam Ahmad bin Hanbal.

Soalan ini mengkehendaki calon menyenaraikan dua karya Imam Ahmad.

ii) Karya beliau
- Al-Musnad
- Al-Risalah.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon memberikan jawapan yang tepat dan mencukupi.

(ii) 2 karya Ahmad bin Hanbal
- al-Musnad
- tafsir al-Quran

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon sederhana kerana satu sahaja jawapan yang betul iaitu al-Musnad.

ii) a) Kitab muwatta
b) Qias

Jawapan di atas adalah lemah kerana calon tidak dapat menguasai nama-nama karya Imam Ahmad bin Hanbal.

Soalan 3 (c) (i)

Nyatakan dua sifat pendakwah.

Calon dikehendaki menyenaraikan sifat seorang pendakwah.

c) i. Dua sifat pendakwah
→ jujur dan ikhlas ketika berdakwah
→ sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk berdakwah
→ iman yang teguh
→ dapat menasihati dengan lemah-lembut
→ bijaksana

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon berjaya mengemukakan jawapan dengan tepat dan melebihi daripada yang dikehendaki.

(c)	(i) Sifat pendakwah:
	i. Jujur
	ii. Amanah
	iii. Tabligh
	iv. Bijak am berhyah.

Calon ini tidak dapat membezakan di antara sifat wajib bagi rasul dan sifat pendakwah.

3(c)
i) a) buligh
b) Islam

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon lemah. Calon memberikan jawapan yang tidak ada kaitan dengan ciri pendakwah.

Soalan 3 (c) (ii)

Jelaskan dua akibat meninggalkan amar makruf nahi mungkar terhadap masyarakat.

Soalan mengkehendaki calon menyenaraikan akibat amar makruf nahi mungkar terhadap masyarakat.

ii. Dua akibat meninggalkan amar makruf dan nahi mungkar terhadap masyarakat :-

- masyarakat akan sering mengamalkan perbuatan maksiat kerana tidak berada di jalan agama Islam yang sebenar.
- institusi kekeluargaan akan berpecah belah kerana tiada panduan dalam membentuk sesebuah keluarga yang harmoni.
- kadar jenayah dalam kalangan masyarakat meningkat kerana tidak dapat membezakan antara kebenaran dan kekeliruan.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon dapat memberikan jawapan yang jelas dan lengkap beserta keterangan.

ii) - Berkurangnya maksiat di merata rata tempat
 - Hidup di sekeliling menjadi kurang kacir.

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon sederhana. Calon memberikan jawapan yang ringkas tanpa huraian.

3	(c)	(ii)	Akibat meninggalkan amar makruf nahi mungkar terhadap masyarakat adalah
			- mendapat laknat dari Allah kerana melanggar perintahNya
			- Hidup tidak akan aman dan harmoni

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon lemah. Calon memberikan akibat terhadap diri sendiri bukannya terhadap masyarakat.

Soalan 3 (c) (iii)

Cadangkan cara mengatasi perkara mungkar yang berlaku di sekolah.

Soalan ini mengkehendaki calon memberikan cara untuk mengatasi perbuatan mungkar di sekolah.

(c)	iii. Cara mengatasi perkara mungkar yang berlaku di sekolah
	→ melapor kepada pihak guru akan kemungkar yang sedang berlaku.
	→ menasihati rakan-rakan yang terlibat dengan lemah-lembut.
	→ berunding dengan yang terlibat ^{dalam} perkara mungkar dengan baik.
	→ mengenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon memberikan jawapan yang tepat dan padat.

3 c	iii	• melaporan kepada guru
		• Peraturan sekolah wajar dketatkan
		• Tindakan yang keras patut diambil terhadap pesalah laicu.
		• menasihati dan sesiapa yang melakukan kemungkaran.

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon sederhana. Calon hendaklah mengelak jawapan seperti isi kedua dan ketiga kerana tidak menulis jawapan yang menjurus kepada tindakan seorang pelajar bukannya pihak lain.

3 (c)	(iii)	Cara mengatasi perkara mungkar di sekolah adalah
		- menasihati rakan yang baik
		- tidak mudah ikut campur orang

Jawapan di atas mempamerkan jawapan calon lemah. Jawapan yang dikemukakan lebih menjurus kepada diri sendiri bukannya kepada warga sekolah.

Soalan 4 (a) (i)

Jelaskan pembaharuan kerajaan bani Abbasiyah dalam bidang ketenteraan.

Soalan ini mengkehendaki calon menjelaskan pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan bani Abbasiyah khusus dalam bidang ketenteraan.

4. a) i. Pembaharuan yang dilakukan oleh Kerajaan bani Abbasiyah dalam ~~beberapa~~ bidang ketenteraan ialah:
- Khalifah telah menyusun semula struktur organisasi ketenteraan iaitu bermula dengan khalifah diikuti dengan Al-Wazir dan Dewan Al-Jund.
 - Khalifah telah menyediakan bayaran gaji yang tetap terhadap angkatan tentera.
 - ~~Te~~ Strategi peperangan seperti tentera Rom dan Parsi telah diaplikasi serta ~~dibak pulih~~ dinaik taraf iaitu ~~te~~ taktik penumbukan tentera Al-Kudsi.
 - Bidang ketenteraan ini terbuka kepada setiap kaum seperti Parsi.
 - Penciptaan alat senjata moden seperti Gun Powder, Ballistik dan meriam.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon dapat memberikan jawapan yang jelas, lengkap dan mencukupi.

- (a)
- (i). Pembaharuan tersebut ialah mengeratkan senjata canggih peperangan kepada tentera umat Islam.

Jawapan di atas tepat tetapi calon hendaklah menulis lebih daripada satu jawapan.

- 4ai Pembaharuan tersebut ialah Kerajaan Bani Abbasiyah telah meramalkan ^{lagi tentera Islam.} ~~dan men~~ Menyediakan orang-orang bani Abbasiyah memasuki bidang ketenteraan.

Jawapan di atas ditulis secara umum tanpa mengkhususkan kepada pembaharuan ketenteraan seperti corak tentera dan keterbukaan ahli dalam ketenteraan iaitu dibuka kepada bangsa Arab dan bukan Arab.

Soalan 4 (a) (ii)

Jelaskan dua faktor kejayaan tentera zaman kerajaan bani Abbasiyah.

Soalan ini berkehendakkan calon menjelaskan faktor kejayaan tentera pada zaman bani Abbasiyah.

- ii. 2 faktor kejayaan tentera zaman kerajaan bani Abbasiyah ialah
- Sikap khalifah yang bijak dan berkaliber iaitu mereka memberi ganjaran dan habuan yang lumayan serta ~~ga~~ pemberian gaji tetap sebagai tanda penghargaan kepada tentera yang telah berjuang untuk ~~negara~~ mempertahankan negara sehingga menaikkan semangat tentera untuk berjihad.
 - Sikap jihad yang tinggi dalam diri tentera-tentera kerajaan Abbasiyah yang sanggup berkorban demi mempertahankan negara daripada diserang musuh tanpa fikir penat lelah.
 - Bilangan tentera yang ramai kerana terdiri daripada pelbagai bangsa dan ketupunan menyebabkan mereka mudah untuk menajah serta menyebarkan kawasan jajahan taklik.

Calon berkeupayaan memberikan jawapan lebih daripada yang dikehendaki beserta huraian yang jelas dan mantap. Ini menunjukkan calon menguasai tajuk dengan baik.

ii) Dua faktor kejayaan tentera zaman kerajaan Bani Abbasiyah ialah

- Bilangan tentera yang ramai
- Sistem ketenteraan yang baik
- Pemimpin yang berwibawa dan berfikiran tinggi.

Isi jawapan yang ketiga sahaja tepat. Manakala jawapan lain, calon menulis secara umum tanpa menulis dari mana sistem diambil dan terbuka kepada pelbagai bangsa.

- ii) Dua faktor kejayaan tentera zaman kerajaan bani Abbasiyah ialah
- Kebangkitan negara Islam di zaman kerajaan bani Abbasiyah.
 - Menjadi pusat bidang ketenteraan yang terbesar di kerajaan bani Abbasiyah.
 - Dapat menaikkan kerakian bani Abbasiyah.

Jawapan yang diberikan oleh calon adalah tidak berkaitan dengan faktor kejayaan tentera, malahan sekadar menulis tentang kerajaan bani Abbasiyah secara umum.

Soalan 4 (b) (i)

Nyatakan pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap Ibnu Khaldun.

Calon dikehendaki memberikan bukti pengiktirafan antarabangsa terhadap ketokohan Ibnu Khaldun.

4b)	i. Pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap beliau ialah:
-	Anugerah yang khas sempena nama Ibnu Khaldun di Universiti Amerika iaitu Ibnu Khaldun Chair of Islamic Studies.
-	Se Penubuhan sebuah Universiti bersempena dengan nama Ibnu Khaldun di Indonesia.

Jawapan yang diberikan adalah paling tepat dan mantap mengikut kehendak soalan.

(b) (i)	Pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap Ibnu Khaldun.
1-	Terdapat sebuah universiti yang dinamakan bersempena nama Ibnu Khaldun.
2-	Fakta sejarah yang dikeluarkan oleh Ibnu Khaldun de diterima umum.

Calon memberikan jawapan hampir tepat walaupun tidak menyebut di mana lokasi universiti tersebut iaitu di Amerika.

(b)	
(i).	Pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap beliau ialah menjadikan Ibnu Khaldun seorang tokoh sejarawan yang unggul pada masa tersebut.

Calon tidak memberikan jawapan berkaitan pengiktirafan tetapi ia memberi jawapan tentang bidang ketokohan Ibnu Khaldun iaitu sebagai sejarawan sahaja.

Soalan 4 (b) (ii)

Jelaskan bukti Ibnu Khaldun seorang tokoh pelbagai bidang.

Calon dikehendaki memberikan bukti tentang ketokohan Ibnu Khaldun dalam pelbagai bidang.

- ii. Bukti Ibnu Khaldun seorang tokoh pelbagai bidang .
- Ibnu Khaldun menerbitkan kitab Al-Muqaddimah yang ~~mempunyai~~ ~~ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.~~ membuktikan dia beliau tokoh dalam bidang Sejarah.
 - Ibnu Khaldun pernah mejawat jawatan Ketua Hakim di Mesir, serta Perdana Menteri di Bougie yang menajolkan tokoh kepimpinannya dalam bidang pentadbiran dan perundangan.

Jawapan yang diberikan oleh calon tepat iaitu bukti ketokohan Ibnu Khaldun dalam pelbagai bidang antaranya sebagai seorang sejarawan dan negarawan.

- biii) Bukti ~~ilmu~~ Ibnu Khaldun seorang tokoh pelbagai bidang adalah :
- menemukan kajian berkenaan teori fizik dan astronomi
 - menulis kitab al-Muqaddimah

Jawapan yang diberi tidak tepat kerana jawapan tersebut berkaitan dengan tokoh lain iaitu fizik oleh al-Hasan bin al-Haitham manakala astronomi oleh al-Bathani.

- ii) Bukti Ibnu Khaldun seorang ^{tokoh} dalam pelbagai bidang ialah
- beliau seorang ahli sains selain bijak dalam bidang perubatan.
 - Masyarakat kini masih menggunakan cara dan teknikanya untuk membuat kajian.

Jawapan yang diberikan menyimpang daripada yang dikehendaki. Soalan berkehendakkan bukti Ibnu Khaldun tokoh dalam pelbagai bidang tetapi jawapan yang dikemukakan berkaitan dengan Ibnu Sina.

Soalan 4 (c) (i)

Jelaskan dua kelebihan memberi hadiah dan sedekah.

Soalan ini berkehendakkan calon menjelaskan kelebihan memberi hadiah dan sedekah terhadap penerima atau pemberi.

- c) i. 2 kelebihan memberi hadiah dan sedekah ialah:
- Meningkatkan hubungan persaudaraan dalam masyarakat kerana ~~ke~~ memberi hadiah ~~antara satu~~ kepada orang lain tanda kasih dan sayang terhadap mereka.
 - Dikasihi oleh Allah kerana telah bersedekah ke arah jalan yang besar iaitu dengan menjedekahkan hartanya kepada golongan yang memerlukan.

Calon ini mengemukakan jawapan yang tepat, jelas, lengkap dan menepati kehendak soalan. Calon memahami kehendak soalan iaitu kelebihan memberi hadiah dan sedekah.

- c) i. dua kelebihan memberi hadiah dan sedekah .
- ~~dapat memberi penghargaan~~
 - dipandang mulia oleh masyarakat dan individu kerana memberi penghargaan .

Calon ini mempunyai kefahaman tentang kelebihan memberi hadiah dan sedekah tetapi jawapan yang diberi tidak memenuhi kehendak soalan.

- c (i) dua kelebihan memberi hadiah dan bersedekah .
- = Allah SWT akan memberi balasan kepada pemberi hadiah dan bersedekah
 - = mendapat pahala .

Jawapan yang diberikan hampir tepat tetapi terhad dan mempunyai maksud yang sama iaitu memberi balasan dan mendapat pahala.

Soalan 4 (c) (ii)

Nyatakan dua jenis sedekah.

Calon dikehendaki menyenaraikan jenis-jenis sedekah.

ii)	2 jenis sedekah:-
-	Sedekah sanyaman
-	Sedekah membuang perkara yang buruk di jalan
-	Sedekah mendoakan kebaikan orang lain

Jawapan yang diberikan adalah tepat, jelas, lengkap dan menepati kehendak soalan iaitu jenis sedekah.

cii)	Dua jenis sedekah adalah
-	terang-terangan
-	melalui doa'.

Satu daripada dua isi jawapan yang diberikan menyimpang jauh dari kehendak soalan iaitu 'terang-terangan' kerana menjurus kepada cara memberi sedekah.

li	Dua jenis sedekah ialah
-	sedekah ikhlas

Jawapan yang dikemukakan adalah tidak tepat kerana lebih menjurus kepada adab memberi sedekah dan hadiah iaitu ikhlas.

Soalan 4 (c) (iii)

Jelaskan dua adab memberi hadiah dan sedekah.

Soalan ini mengkehendaki calon menjelaskan adab dalam memberi hadiah dan sedekah.

iii)	2 adab memberi hadiah dan sedekah:-
-	Memberi hadiah dan sedekah dengan hati yang ikhlas hanya semata-mata untuk mendapatkan keredhaan daripada Allah tanpa meng ada rasa ingin menunjuk-nunjuk.
-	Tidak mengharapkan balasan atau hadiah dan sedekah yang diberi set semasa dalam keadaan gaduh juga.
-	Memberi hadiah barangan yang bernilai kepada diri untuk orang lain supaya hadiah itu dihargai dan sebagai tanda kejujuran kita.

Jawapan yang dikemukakan adalah tepat dan melebihi kehendak soalan walaupun ada jawapan yang sama maksud iaitu ikhlas/tidak mengharap balasan.

(sur)	Dua adab memberi hadiah dan sedekah:
=	tidak menunjuk reaksi yang kurang megenangkan.
=	memberi dengan hati yang terbuka dan bersenyum

Jawapan yang diberikan adalah terhad dan mempunyai maksud yang sama iaitu ikhlas/tidak menunjuk-nunjuk.

iii)	Dua adab memberi hadiah dan sedekah ialah
-	Memberi hadiah dan sedekah dengan ikhlas.
-	Tidak berniat untuk menunjuk-nunjuk.

Jawapan yang diberikan mempunyai maksud yang sama antara satu sama lain.

SARANAN KEPADA CALON

1. Menyediakan nota ringkas yang lengkap dan menarik seperti Peta Minda, Peta Buih, Peta Alir, Peta Dakap dan lain kaedah pembelajaran agar mudah difahami, diingati faktanya dan juga dapat menjimatkan masa mengulangkaji.
2. Pelajar hendaklah membuat persediaan yang cukup. Biasakan diri mengulangkaji mengikut keseluruhan tajuk, agar tidak ketinggalan sebahagian tajuk.
3. Fahami istilah-istilah atau pengertian dengan menandakan atau mengasingkan fakta-fakta utama dan fakta sokongan supaya dapat menulis semula dengan baik semasa menjawab peperiksaan. Istilah tidak perlu dihafaz dari ayat ke ayat.
4. Menguasai teknik menjawab yang betul. Fahami teknik menjawab bagi setiap bentuk kata tugas (nyatakan, jelaskan, terangkan) kerana ia menentukan jumlah markah yang akan diperoleh.
5. Tulisan hendaklah kemas dan baik. Gunakan pen dakwat hitam atau biru gelap supaya mudah dibaca oleh pemeriksa.
6. Bagi pelajar sederhana dan lemah cuba jawab soalan bahagian tamadun dan tokoh sedaya yang boleh. Jangan dibiarkan kosong.
7. Cuba jawab soalan bahagian adab sebaik yang boleh kerana bahagian inilah yang banyak membantu calon mendapatkan markah.
8. Baca dan faham soalan dengan teliti.
9. Gariskan arahan-arahan penting dalam soalan seperti kata tugas, bilangan isi yang dikehendaki, fokus soalan dan aspek kemahiran yang dikehendaki, supaya dapat menjawab dengan tepat.
10. Mulakan jawapan dengan menulis kepala jawapan supaya pemeriksa tidak keliru atau bertukar jawapan dengan soalan lain.
11. Tuliskan jawapan pada muka surat baru bagi setiap soalan yang baru supaya kelihatan kemas dan teratur dan memudahkan pemeriksa menjumlahkan markah.
12. Semak jawapan dengan berpandukan soalan supaya tidak ada soalan yang tertinggal.
13. Pastikan jawapan yang diberi tidak berulang kerana ramai calon yang hilang markah akibat jawapan yang berulang. Oleh itu, calon digalakkan untuk memberikan pilihan jawapan yang banyak agar calon masih berpeluang mendapat markah.
14. Soalan nombor 1 dan 2 bahagian B wajib dijawab dan pilih mana-mana satu daripada soalan 3 dan 4. Arahan soalan ini mesti dibaca berhati-hati agar calon tidak kehilangan markah.
15. Membahagikan masa dengan betul supaya calon tidak menghadapi masalah tidak cukup masa.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru hendaklah menghabiskan sukatan pelajaran lebih awal supaya mempunyai masa yang cukup untuk membuat ulangkaji .
2. Untuk tajuk yang berkaitan dengan tokoh, guru perlu memfokuskan kepada tajuk-tajuk tudingan (tajuk-tajuk penting) supaya pelajar dapat menguasai tajuk-tajuk berkenaan.
3. Latih tubi selepas peperiksaan percubaan perlu difokuskan kepada penguasaan topikal.
4. Guru hendaklah memberikan kemahiran menjawab dengan teknik yang betul lebih awal sebaiknya mulai tingkatan 4 lagi supaya pelajar dapat menggunakan teknik yang betul mulai awal tahun semasa di tingkatan 5.
5. Guru hendaklah membuat latih tubi menjawab berdasarkan kata tugas dan menggunakan bahasa yang jelas dan tepat.
 - a. Contohnya soalan 4c (ii) Jelaskan dua amalan yang dilarang ketika berhias diri. Ada dalam kalangan calon menjawab : tidak memakai pakaian yang tidak menutup aurat.
6. Semasa pengajaran dan pembelajaran dalam kelas guru hendaklah menggunakan buku teks atau isi kandungan daripada buku teks kerana buku teks adalah panduan utama dalam peraturan pemarkahan.
7. Guru hendaklah mengaplikasikan penggunaan ICT dan mempelbagaikan kaedah mengajar terutama dalam tajuk tamadun dan tokoh untuk menarik minat dan tumpuan pelajar.
8. Guru hendaklah membantu pelajar lemah menyediakan notas ringkas atau peta minda yang mudah yang boleh digunakan semasa mengulangkaji.
9. Guru hendaklah menyediakan modul-modul khas kepada pelajar lemah, yang berfokuskan kepada kelemahan pelajar berkenaan agar dapat diperbaiki.
10. Guru hendaklah melatih pelajar memberi pendapat berkaitan jawapan pelajar lain supaya berlaku pencapaian idea yang bertepatan dengan soalan KBAT.
11. Guru hendaklah memastikan pelajar membaca dan menguasai keseluruhan bab agar pelajar boleh menjawab dengan baik.